



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 18 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **8,435 kes** (2,278,955 kes kumulatif, 95.1%);
- Kes baharu : **5,434 kes** (2,396,121 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (1 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,429 kes** [5,050 warganegara (93.0%); 379 bukan warganegara (7.0%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **682 kes** (622 kes disahkan COVID-19 ; 60 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **357 kes** (286 kes disahkan COVID-19 ; 71 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,687 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **15 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,031 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **656 kluster**.

Daripada **5,434 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **151 kes (2.8 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,283 kes (97.2 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

18 Oktober 2021 @ 6:00 petang.

**LAMPIRAN 1****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 18 OKTOBER 2021**

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARIN G</b>
1	Jalan Berjaya Lapan	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	51	93
2	Jalan Industri Utama Grisek	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	26	102
3	Jalan Bakau Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	19	108
4	Jalan Gambir Dua	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	12	33
5	Industri Dua Jalan Bukit Kemuning	Tempat Kerja	Selangor	Klang	49	100
6	Jalan Suasa Banting	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	22	48
7	Kampung Kelubi Pasir Puteh	Tempat Kerja	Kelantan	Pasir Puteh, Kota Bharu, dan Tanah Merah	17	23
8	Putai 2	Tempat Kerja	Sarawak	Bukit Mabong	30	106
9	Jalan Tangsi	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras, Kepong, dan Titiwangsa	11	47
10	Gunung Besout Dua	Komuniti	Perak	Batang Padang	49	163
11	Bidor Stesen	Komuniti	Perak	Batang Padang	33	62

<b>NO</b>	<b>NAMA KLUSTER</b>	<b>KATEGORI KLUSTER</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH DISARIN G</b>
12	Jalan Pantai Permai Sembilan	Pendidikan Lain	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	7	71
13	Seri Serting	Pendidikan Lain	Negeri Sembilan	Jempol	22	124
14	Kampung Bukit Tembakau	Keagamaan	Melaka	Jasin dan Melaka Tengah	47	68
15	Jalan Camar Tiga	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	15	58

**LAMPIRAN 2**

**NILAI  $R_T$  MENGIKUT NEGERI  
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN  
PADA 17 OKTOBER 2021**

<b>NEGERI</b>	<b>NILAI <math>R_T</math></b>
<b>WP PUTRAJAYA</b>	1.04
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1.03
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	0.99
<b>MELAKA</b>	0.96
<b>SELANGOR</b>	0.96
<b>PERLIS</b>	0.95
<b>KELANTAN</b>	0.93
<b>SABAH</b>	0.89
<b>TERENGGANU</b>	0.86
<b>JOHOR</b>	0.86
<b>PAHANG</b>	0.85
<b>PULAU PINANG</b>	0.85
<b>KEDAH</b>	0.85
<b>PERAK</b>	0.81
<b>SARAWAK</b>	0.77
<b>WP LABUAN</b>	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>0.88</b>